

Nur Farah Kartini akan dikebumi di Pekan

- Oleh AIDIEL ZABIDI
- 17 Julai 2024, 9:47 am



Ahli keluarga dipercayai waris kepada Nur Farah Kartini Abdullah, Syeril Norsyuhada (kanan) dan Farizza Azmi Abdullah (kiri) ketika ditemui pemberita semasa hadir untuk pengecaman mangsa di Jabatan Forensik Hospital Sungai Buloh di sini semalam. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

SUNGAI BULOH: Jenazah mangsa pembunuhan kejam, Nur Farah Kartini Abdullah dijangka dikebumikan di Pekan, Pahang selepas dituntut ahli keluarganya hari ini.

Perkara ini dimaklumkan abang mangsa, Mohd Fariza Amir Abdullah, ketika dihubungi media.

Bagaimanapun beliau nemaklumkan butiran lokasi sebenar akan dimaklumkan kemudian.

Sementara itu, suasana sekitar pekarangan Unit Forensik Hospital Sungai Buloh di sini masih lengang tanpa kehadiran ahli keluarga dan rakan-rakan.

Beberapa pengamal media kelihatan berkumpul di sekitar lokasi bagi mendapatkan perkembangan berkaitan seawal jam 8 pagi.

Terdahulu, mayat Nur Farah Kartini yang hilang sejak 10 Julai lalu selepas menghantar kereta sewa kepada pelanggan, ditemukan di kawasan ladang kelapa sawit di Kampung Sri Kledang, Hulu Selangor, kira-kira jam 6 petang, pada Isnin.

Susulan itu, seorang lelaki berusia 26 tahun yang juga anggota polis bertugas di Kontinjen Perak telah ditahan dan direman tujuh hari sehingga 22 Julai depan untuk siasatan berkaitan kes terbabit di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. -UTUSAN